



**ESTETIKA ISLAM DAN KEARIFAN TEMPATAN DALAM BUSANA
TRADISIONAL MELAYU: KAJIAN TERHADAP BAJU MELAYU**

Khairul Azhar Meerangani^{1*}, Shahrul Munir Kaulan², Mohammad Fahmi Abdul
Hamid³ & Siti Nurul Izza Hashim⁴

^{1,3,4}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka
78000, Alor Gajah, Melaka

^{2*}Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Melaka
78000, Alor Gajah, Melaka

azharmeerangani@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v8i1.6928>

Abstrak

E-JITU

Acceptence date:
25 February 2025

Valuation date:
19 March 2025

Publication date:
30 April 2025

Busana tradisional Melayu merupakan identiti masyarakat Melayu yang menghimpunkan nilai estetika Islam dan kearifan tempatan. Nilai ini boleh dilihat wujud dalam pelbagai struktur busana tradisional Melayu, khususnya Baju Melayu. Kajian ini bertujuan meneliti nilai estetika Islam dan kearifan tempatan dalam rekaan serta pemakaian Baju Melayu, dan bagaimana busana ini berperanan dalam membentuk serta mengekalkan identiti budaya masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis visual dan kajian dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur estetika Islam bukan sahaja diterapkan secara simbolik dalam rekaan Baju Melayu, tetapi juga memperkukuh nilai jati diri

dan kesinambungan warisan budaya bangsa. Baju Melayu tidak hanya berperanan sebagai pakaian tradisi tetapi turut menjadi medium ekspresi nilai agama dan budaya. Nilai estetika Islam yang menekankan kesederhanaan, kesopanan dan keseimbangan terserlah dalam rekaan Baju Melayu, manakala unsur tempatan seperti penggunaan sampin, songkok dan motif tenun menampilkan simbolisme budaya Melayu yang mendalam. Dalam konteks moden, pemeliharaan dan penghayatan terhadap Baju Melayu menjadi manifestasi ketahanan budaya dan keagamaan masyarakat Melayu-Islam. Justeru, warisan ini perlu terus diperkasakan menerusi inisiatif pendidikan, promosi berasaskan nilai, serta inovasi busana berteraskan prinsip Islam bagi menjamin kelestarian identiti bangsa dalam arus perubahan global.

Kata kunci: Estetika Islam, Baju Melayu, Busana tradisional, Kearifan tempatan, Budaya Melayu

**ISLAMIC AESTHETICS AND LOCAL WISDOM IN MALAY TRADITIONAL
ATTIRE: A STUDY ON THE BAJU MELAYU**

Abstract

Malay traditional attire represents the identity of the Malay community, encompassing Islamic aesthetic values and local wisdom. These values are reflected in various structural aspects of traditional Malay clothing, particularly the Baju Melayu. This study aims to examine the Islamic aesthetic values and local wisdom embedded in the design and wearing of the Baju Melayu, and how this attire plays a role in shaping and preserving the cultural identity of the Malay society. This research adopts a qualitative approach through visual analysis and document study methods. The findings reveal that Islamic aesthetic elements are not only symbolically incorporated into the design of the Baju Melayu, but also reinforce national identity values and the continuity of cultural heritage. The Baju Melayu functions not only as traditional clothing but also as a medium for expressing religious and cultural values. Islamic aesthetics, which emphasize modesty, decency, and balance, are evident in the design of the Baju Melayu, while local elements such as the use of sampin, songkok, and woven motifs display profound symbols of Malay culture. In the modern context, the preservation and appreciation of the Baju Melayu serve as manifestations of the cultural and religious resilience of the Malay-Muslim community. Therefore, this heritage must be continuously empowered through educational initiatives, value-based promotion, and attire innovation rooted in Islamic principles to ensure the sustainability of national identity amidst global change.

Keywords: *Islamic aesthetics, Baju Melayu, Traditional attire, Local wisdom, Malay culture*

PENGENALAN

Perkembangan sejarah Melayu tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh Islam yang masuk sejak abad ke-13 dan terus berkembang sebagai tonggak peradaban. Agama Islam bukan sahaja mempengaruhi sistem kepercayaan, undang-undang dan pendidikan, bahkan turut meresap dalam aspek budaya dan gaya hidup termasuklah cara berpakaian (Abd. Rasid, 2014). Nilai-nilai estetika Islam seperti kesederhanaan (wasatiyyah), kesopanan, keharmonian, dan kehalusan turut diterapkan dalam rekaan dan pemakaian busana Melayu. Hal ini membentuk satu kerangka berpakaian yang tidak hanya memenuhi tuntutan syariat, tetapi juga mewakili keindahan menurut perspektif budaya tempatan (Adilah, 2016). Evolusi busana Melayu terus berlangsung, khususnya selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu. Pengaruh Islam bukan sahaja membawa perubahan dalam aspek kepercayaan dan amalan sosial, malah turut mempengaruhi bentuk serta etika berpakaian masyarakat Melayu. Larangan pemakaian sutera bagi lelaki Muslim, sebagaimana digariskan dalam hukum syarak, telah memberi kesan langsung terhadap pemilihan fabrik dalam pembuatan busana. Selain itu, budaya berpakaian yang menekankan kesopanan

dan pemeliharaan aurat mula diadaptasi, seiring dengan prinsip berpakaian dalam Islam yang menuntut kehormatan diri melalui pakaian yang menutup tubuh secara sempurna.

Busana tradisional ini merupakan elemen penting dalam mencerminkan nilai dan identiti sesebuah masyarakat. Seiring dengan peranan Islam dalam membentuk gaya hidup orang Melayu, estetika Islam telah dihayati dan dizahirkan dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah pakaian. Bagi masyarakat Melayu, selain pakaian tradisional yang diwarisi secara turun-temurun, baju Melayu (bagi lelaki) dan baju kurung (bagi wanita) menjadi suatu warisan yang telah mengadunkan elemen estetika Islam dan kearifan tempatan. Dalam konteks masyarakat Melayu, Baju Melayu bukan sekadar pakaian adat, tetapi ia sarat dengan makna simbolik yang mencerminkan akar budaya, nilai agama, dan struktur sosial masyarakat (Dani, 2010). Sebagai pakaian rasmi dan tradisi yang masih terus diamalkan hingga kini, Baju Melayu memiliki fungsi yang melangkaui aspek fizikal semata-mata. Ia berperanan sebagai medium ekspresi nilai, identiti, dan warisan yang telah melalui proses pembentukan berabad lamanya. Dalam era globalisasi dan perkembangan fesyen moden masa kini, pemahaman terhadap peranan Baju Melayu sebagai simbol warisan yang menyatukan nilai Islam dan identiti tempatan semakin penting. Justeru, penilaian terhadap manifestasi nilai estetika Islam dan kearifan tempatan dalam Baju Melayu penting, selain memperhalusi sumbangan warisan tradisi ini terhadap pembinaan dan pemeliharaan identiti masyarakat Melayu dalam kerangka budaya dan peradaban Islam.

PERMASALAHAN KAJIAN

Busana tradisional Melayu merupakan sebahagian penting daripada manifestasi kebudayaan masyarakat Melayu yang berkembang seiring dengan perubahan zaman dan pengaruh luar. Asal-usul pemakaian busana Melayu dapat dijejaki seawal era pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1424–1444) di Melaka. Menurut catatan sejarah, baginda telah mengeluarkan titah larangan terhadap pemakaian "pakaian atas angin" yang merujuk kepada gaya Arab-Parsi serta "cara Keling", dan seterusnya menetapkan bentuk pakaian rasmi yang terdiri daripada kain, baju, dan destar (Siti Zainon, 2009). Tindakan ini menggambarkan usaha awal untuk membina identiti busana yang tersendiri berasaskan nilai tempatan. Secara umum, busana Melayu dikenali sebagai baju kurung, satu istilah yang merujuk kepada persalinan tradisional bagi lelaki dan perempuan Melayu. Reka bentuknya yang longgar dan bersifat tunik, dengan pemakaian secara disarung dari kepala, mencerminkan keutamaan terhadap keselesaan serta kesopanan (Aszulhida, Rosmahwati & Zuliskandar, 2022).

Namun, pengkhususan istilah berlaku apabila baju kurung secara beransur menjadi merujuk kepada busana wanita yang menekankan pemakaian yang 'mengurung' atau menyembunyikan bentuk tubuh (Hanisah, 2016). Dalam pada itu, baju Melayu menjadi sebutan khusus bagi pakaian lelaki, yang lazimnya dipadankan dengan seluar panjang dan dilengkapi dengan sampin serta songkok. Transformasi ini membuktikan bahawa busana Melayu bukan sekadar produk budaya, tetapi juga wadah yang menzahirkan penyesuaian nilai agama dan lokal dalam pembentukan identiti masyarakat Melayu. Cabaran utama yang dihadapi busana Melayu pada zaman moden adalah

mengekalakan keasliannya iaitu jahitan dan ciri-ciri busana tidak dipengaruhi oleh rekaan moden. Kebanyakan busana Melayu yang ada di pasaran seperti Baju Melayu Lelaki dan Baju Kurung Wanita telah dipengaruhi oleh jahitan dan rekaan moden (Siti Zainon, 1995). Ada di antara ciri-ciri tradisional yang telah dikeluarkan daripada busana Melayu untuk menampilkan ciri-ciri moden (Hasma et.al, 2015). Ciri-ciri seperti Tulang Belut dan Pesak semakin hilang daripada rekaan Baju Kurung masa kini.

Selain daripada kepakaran untuk menjahit, kesulitan dan masa turut menyebabkan ciri-ciri busana Melayu tradisional dikeluarkan daripada rekaan terkini. Kos untuk menjahit busana Melayu tradisional juga tinggi berbanding moden disebabkan faktor kepakaran, masa dan lain-lain kos yang menyebabkan harga sepaang busana Melayu tradisional lebih tinggi berbanding busana Melayu moden. Rekaan Baju Melayu lelaki tradisional yang mempunyai pesak dan kekek juga telah dikeluarkan daripada Baju Melayu Lelaki moden yang lebih mementingkan rekaan 'Slim- Fit', 'Tailored-Fit' dan lain-lain atas alasan menampilkan rekaan yang lebih maskulin yang menyerlahkan susuk badan si pemakai (Hisyam et.al, 2024). Generasi masa kini lebih didedahkan dengan rekaan busana Melayu moden sehingga rekaan tradisional yang menampilkan rekaan yang mempunyai falsafah di dalamnya hanya dipandang sebagai rekaan yang tidak mempunyai maksud. Setiap ciri-ciri busana Melayu menyerlahkan keunikan dan falsafah pemakaian. Jika mengikut cara pemakaian sebenar, si pemakai akan lebih cantik dan segak bila disarungkan busana Melayu tradisional. Rekaan busana Melayu yang longgar dan tidak menampakkan bentuk tubuh menyebabkan generasi kini merasakan rekaan tersebut tidak sesuai dengan budaya moden yang lebih menyerlahkan bentuk badan.

Pengaruh budaya luar yang tidak selari dengan budaya Melayu menyebabkan rekaan busana Melayu turut terkesan dengan rekaan moden. Rekaan busana Melayu tradisional dianggap kolot dan ketinggalan zaman turut menjadi cabaran dalam mengekalakan keasliannya. Busana Melayu tradisional pada masa kini lebih digunakan pada majlis atau hari keramaian tertentu sahaja. Pemakaian busana Melayu tradisional pada sambutan Hari Raya, perkahwinan, Solat Jumaat, Majlis rasmi Kerajaan dan Istana. Pemakaian busana Melayu tradisional yang dahulunya digunakan setiap hari dan kini hanya digunakan pada masa tertentu sahaja. Cabaran pada masa kini bukan sahaja untuk mengekalakan keaslian tetapi untuk menggalakkan pemakaian busana Melayu tradisional di luar waktu-waktu tertentu (Haziyah et.al, 2009). Pemakaian busana Melayu tradisional dianggap pelik atau janggal jika dipakai diluar waktu kebiasaan. Kebanggaan dalam pemakaian busana Melayu tradisional kian terhakis dan busana moden lebih menjadi pilihan pakaian sehari-hari atas alasan mengikut arus perdana serta tidak dipandang janggal oleh masyarakat.

Permintaan terhadap busana Melayu tradisional yang kian menurun menyebabkan tukang jahit busana tradisional terpaksa beralih ke rekaan moden. Pada masa kini, hanya tukang jahit berpengalaman dalam kalangan generasi lama sahaja yang masih mampu untuk menjahit mengikut potongan dan rekaan tradisional. Dikhuatiri jika seni dan rekaan potongan busana Melayu tradisional tidak dikekalkan dan dipelajari generasi kini akan menyebabkan rekaan busana Melayu tradisional akan hilang ditelan arus dan hanya diketahui melalui manuskrip atau gambar lama sahaja untuk tatapan

generasi akan datang. Generasi akan datang tidak mengenali busana Melayu tradisional tetapi menganggap busana Melayu moden sebagai busana Melayu tradisional.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini memberi fokus kepada dua komponen utama yang menjadi tunjang perbincangan dalam artikel ini, iaitu (1) konsep estetika dalam Islam dan (2) peranan busana tradisional dalam pembentukan identiti tempatan masyarakat Melayu. Tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang pengetahuan sedia ada serta memberikan kerangka teori bagi menganalisis hubungan antara nilai Islam dan busana tradisional Baju Melayu.

a) Estetika dalam Perspektif Islam

Estetika Islam merujuk kepada keindahan yang selari dengan nilai-nilai syariat seperti kesederhanaan (*wasatiyyah*), kesucian, dan keharmonian. Banyak kajian dalam seni bina dan seni halus telah mengupas estetika Islam, namun masih kurang dalam konteks busana tradisional. Estetika dalam Islam tidak hanya terhad kepada keindahan rupa atau bentuk, tetapi merangkumi dimensi rohani, moral dan etika. Zakaria (2000) menyatakan bahawa keindahan dalam Islam adalah suatu manifestasi kebenaran (*haqq*) dan kesucian (*tazkiyah*), yang perlu selari dengan nilai-nilai tauhid dan syariah. Estetika Islam menolak unsur keterlaluan dan berlebihan, sebaliknya menekankan prinsip *wasatiyyah* (kesederhanaan), *malu* (*haya'*), dan adab (*tatatertib*). Dalam konteks pakaian, nilai estetika ini dizahirkan melalui rekaan yang tidak mendedahkan aurat, tidak terlalu ketat atau mencolok, dan tidak membawa unsur riak.

Nor Azlin (2020) merumuskan bahawa estetika Islam dalam busana boleh dilihat pada pilihan warna, potongan yang longgar, kesopanan bentuk serta simbolisme yang terkandung dalam pakaian tersebut. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu lebih banyak tertumpu kepada seni bina dan seni visual, dan masih kurang kajian mendalam terhadap penerapan estetika Islam dalam busana tradisional Melayu, khususnya Baju Melayu.

b) Identiti Tempatan dan Busana Tradisional Melayu

Pakaian memainkan peranan penting dalam identiti budaya. Baju Melayu telah menjadi lambang jati diri Melayu sejak sebelum kemerdekaan. Pengaruh Islam dan adaptasi tempatan menjadikan Baju Melayu unik sebagai simbol perpaduan antara agama dan budaya. Busana tradisional sering menjadi alat ekspresi identiti budaya, sosial dan etnik sesebuah komuniti. Menurut Mohd Taib (1989), pemakaian Baju Melayu bukan sahaja mencerminkan warisan sejarah dan budaya, tetapi turut menandakan status sosial, fungsi ritual, dan jati diri bangsa. Baju Melayu lazim dipakai dalam pelbagai acara rasmi, keagamaan dan adat istiadat, seperti solat Jumaat, sambutan Hari Raya, majlis perkahwinan dan pertabalan diraja.

Kehadiran unsur-unsur tempatan seperti penggunaan samping, songkok dan butang emas memperlihatkan unsur simbolik yang mendalam berkaitan tatanan masyarakat, hierarki dan nilai budaya Melayu. Dalam konteks pembinaan identiti, Hall (1990) menyatakan bahawa identiti bukanlah sesuatu yang statik tetapi sentiasa dibentuk semula melalui amalan sosial dan budaya yang berterusan. Oleh itu, pemakaian Baju Melayu merupakan satu bentuk tindakan budaya yang memperkukuh identiti Melayu-Islam dalam masyarakat kontemporari. Walaupun banyak kajian telah mengupas aspek sejarah atau sosial Baju Melayu, masih terdapat ruang untuk memahami bagaimana nilai-nilai Islam dan elemen lokal itu digabung secara harmoni dalam membentuk busana ini sebagai lambang estetika dan identiti.

c) Falsafah Kesenian Busana Baju Melayu

Busana Baju Melayu menandakan unsur simbolik atau semiotik dalam pakaian yang menunjukkan asal-usul pemakai dengan membawa maksud tersirat dan menyumbang kepada pembangunan, perkembangan budaya serta nilai-nilai murni masyarakat Melayu. Terdapat beberapa aspek penting yang memberi makna kepada baju Melayu yang harus kita ketahui kerana ianya mempunyai kaitan dengan nilai dan sudut pandangan dalam agama Islam. Baju Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu baju lengan panjang dan seluar panjang, yang dilengkapi bersama samping dan songkok. Baju Melayu mempunyai perbezaan dari segi reka bentuk terutamanya dibahagian leher yang dipanggil Cekak Musang dan Teluk Belanga. Perbezaannya ialah Cekak Musang mempunyai kolar manakala Teluk Belanga tidak mempunyai kolar. Baju Melayu Teluk Belanga lebih dikenali di negeri Johor kerana mempunyai satu butang yang menjadi lambang tauhid dengan mempercayai bahawa Tuhan itu satu. Manakala Baju Melayu Cekak Musang dengan lima butang menjadi lambang Rukun Islam (Siti Zainon, 2009).

Tambahan lain, tiga saku baju menjadi lambang akidah atau kepercayaan, Islam dan ihsan. Samping yang dipakai dibahagian pinggang juga mempunyai maknanya yang tersendiri iaitu menaikkan keperibadian lelaki Melayu, kesungguhan dalam menjaga aurat, maruah dan syahwat (Guslinda & Otang, 2016). Negeri Johor terkenal dengan pemakaian samin dibahagian dalam baju Melayu dengan pemakaian songkok tinggi, yang bukan menjadi kebiasaan buat pemakai baju Melayu di negeri-negeri lain.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif-analitik, dengan memberi tumpuan kepada analisis visual dan kajian dokumen sebagai kaedah utama. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan peneliti memahami makna simbolik dan nilai budaya yang terkandung dalam busana tradisional Melayu, khususnya dalam konteks estetika Islam dan identiti tempatan yang dizahirkan melalui Baju Melayu. Analisis visual dijalankan terhadap pelbagai variasi reka bentuk Baju Melayu yang diperolehi melalui sumber imej dalam buku, arkib digital, laman web rasmi agensi kerajaan dan institusi kebudayaan seperti Jabatan Muzium Malaysia, serta media visual seperti dokumentari dan katalog busana. Fokus analisis adalah pada elemen-elemen seperti; a) potongan dan struktur pakaian (contohnya: cekak musang dan teluk belanga); b) pemilihan warna dan fabrik; c) aksesori seperti samin, songkok dan butang; serta d) keutuhan gaya dan

kesopanan dalam konteks syariat Islam. Analisis ini membolehkan peneliti menelusuri bagaimana estetika Islam dan simbol budaya tempatan diterapkan dalam setiap elemen busana.

Selain itu, kajian dokumen yang melibatkan penelitian sumber primer dan sekunder turut dilakukan. Dokumen yang diteliti terdiri daripada; a) manuskrip lama berkaitan adat berpakaian dalam masyarakat Melayu; b) penulisan ilmiah terdahulu yang membincangkan nilai Islam dan busana; c) buku sejarah, budaya, serta rujukan akademik berkaitan estetika Islam dan identiti Melayu; serta d) dokumen dasar kebudayaan negara dan garis panduan etika berpakaian rasmi. Dokumen-dokumen ini dianalisis untuk mengenal pasti wacana, nilai, dan simbol yang secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi pembentukan dan pengekalan Baju Melayu sebagai lambang identiti Melayu-Islam. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berulang berkaitan dengan estetika Islam dan identiti budaya. Data yang diperoleh daripada kedua-dua kaedah ini kemudiannya disintesis untuk membentuk naratif interpretatif yang menyeluruh.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendedahkan bahawa Baju Melayu bukan sahaja berperanan sebagai pakaian tradisi tetapi turut menjadi medium penyampaian nilai-nilai Islam dan identiti tempatan secara tersirat dan simbolik. Perbincangan ini dibahagikan kepada tiga aspek utama: manifestasi estetika Islam, simbolisme budaya tempatan, dan dinamika pemeliharaan identiti dalam konteks moden.

a) Manifestasi Estetika Islam

Busana tradisional Melayu merupakan cerminan langsung terhadap nilai dan prinsip Islam yang telah berakar umbi dalam budaya masyarakat Melayu sejak kedatangan Islam ke alam Nusantara (Leaman, 2004). Dalam konteks pemakaian, unsur estetika Islam terserlah menerusi pemilihan fabrik, reka bentuk yang longgar, serta motif yang bersifat sederhana dan tidak berlebihan. Estetika ini bukan sekadar mengutamakan keindahan luaran, malah menekankan aspek kesopanan dan penjagaan aurat sebagaimana dituntut dalam syariat Islam (Didit, et.al, 2020). Oleh itu, pemakaian busana Melayu dapat dianggap sebagai manifestasi ketaatan orang Melayu terhadap prinsip berpakaian yang selari dengan ajaran agama. Tambahan pula, dengan terus mempertahankan tradisi busana ini, masyarakat Melayu secara tidak langsung menyemarakkan kesedaran terhadap nilai-nilai Islam yang menyantuni aspek penampilan, sekali gus memupuk keharmonian dan toleransi antara budaya dan agama melalui ekspresi berpakaian yang berlandaskan etika Islam (Efriyeni, 2020).

Reka bentuk Baju Melayu secara umumnya menepati prinsip-prinsip asas estetika Islam (Mohd Affandi, 1992), antaranya:

- Kesederhanaan dan Kesopanan: Potongan longgar, tidak ketat, tidak menonjolkan susuk tubuh, dan menutup aurat selari dengan tuntutan syarak. Gaya teluk belanga atau cekak musang misalnya mengekalkan siluet yang ringkas dan kemas.

- Keseimbangan dan Keharmonian: Gabungan warna-warna neutral atau lembut (seperti putih, hitam, biru, hijau zamrud) menggambarkan ketenangan dan kesederhanaan yang dihargai dalam Islam.
- Adab dan Malu: Baju Melayu tidak hanya menutup aurat fizikal, tetapi juga melambangkan adab dalam berpenampilan. Penggunaan songkok sebagai penutup kepala melengkapkan gaya yang sopan dan terhormat.

Baju Melayu menepati prinsip estetika Islam bukan dengan tujuan komersial semata, tetapi sebagai cerminan internalisasi nilai agama dalam kehidupan seharian.

b) Simbolisme Kearifan Tempatan

Busana Melayu merupakan hasil daripada evolusi sosial dan budaya yang berlangsung secara dinamik dalam masyarakat Melayu. Sejak zaman Kesultanan Melaka, seperti yang dicatat oleh Siti Zainon Ismail (2009), busana Melayu telah dibentuk melalui titah diraja sebagai usaha menolak pengaruh luaran dan menetapkan norma berpakaian yang mencerminkan nilai tempatan. Unsur-unsur seperti penggunaan sampin, destar, dan songkok adalah lambang kearifan tempatan yang bukan sahaja memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam mencipta identiti tersendiri, tetapi juga berfungsi sebagai simbol status sosial, adat, dan etika (Noraziz, Hashim & Nor Hisham, 1997). Setiap potongan, jahitan, serta corak tenunan dalam busana ini mengandungi makna tersirat yang merujuk kepada keharmonian, tatasusila dan kebijaksanaan budaya. Oleh itu, busana Melayu bukan sahaja sebuah hasil seni visual, tetapi juga naratif visual yang merakam dan mengungkap sejarah serta nilai kolektif masyarakat Melayu (Zubaidah, 1994).

Elemen-elemen seperti sampin, butang baju, dan songkok memainkan peranan dalam mencerminkan simbol budaya dan struktur sosial masyarakat Melayu:

- Sampin: Pemakaiannya menunjukkan status, majlis yang dihadiri, dan wilayah asal seseorang (dengan motif dan ikatan tertentu). Contohnya, ikatan sampin bagi kerabat diraja berbeza daripada orang kebanyakan.
- Butang Baju dan Kain Tenun: Motif yang diukir atau ditenun mengandungi unsur flora tempatan atau corak tradisional yang mencerminkan kehalusan seni Melayu.
- Songkok: Melambangkan adab Melayu, sekali gus menunjukkan penghormatan terhadap adat dan simbol Islam sebagai agama rasmi negara.

Busana ini tidak hanya ‘dipakai’, tetapi ‘dihayati’ sebagai satu bentuk pewarisan makna budaya dan nilai.

c) Pemeliharaan Identiti Melayu-Islam

Pemeliharaan busana Melayu berperanan penting dalam memperkukuh identiti budaya masyarakat Melayu. Menurut Ermy & Azmul (2012), jati diri bangsa terbentuk melalui warisan budaya dan kesenian yang dihasilkan oleh masyarakat itu sendiri. Dalam konteks ini, busana Melayu tampil sebagai elemen signifikan yang menyatukan ekspresi seni, sejarah, dan nilai bangsa. Keunikan busana Melayu turut dihargai oleh pelbagai kaum di

Malaysia, mencerminkan keterbukaan dan kepelbagaian budaya dalam satu kerangka identiti nasional. Busana ini bukan sahaja memperlihatkan kesinambungan warisan sejarah, tetapi juga menjadi medium pendidikan budaya kepada generasi muda, serta instrumen penting dalam memelihara khazanah warisan bangsa daripada terhakis oleh arus globalisasi. Malah, dalam sektor pelancongan budaya, busana Melayu berpotensi tinggi untuk diketengahkan sebagai ikon warisan yang memperkukuh citra negara dan menjana manfaat ekonomi kepada komuniti tempatan (Aris, 2012).

Dalam era globalisasi dan perubahan fesyen kontemporari, pemakaian Baju Melayu masih kekal relevan dalam banyak konteks, seperti majlis rasmi, ibadah, dan sambutan perayaan. Malah, kebangkitan fesyen Muslim kontemporari menyaksikan inovasi Baju Melayu dalam bentuk moden tanpa mengabaikan prinsip asasnya. Kajian ini mendapati bahawa Baju Melayu menjadi simbol identiti nasional dan agama di pentas rasmi negara (Siti Zainon, 2016). Ia juga menjadi medium penegasan budaya yang bersifat *counter-hegemonic*, iaitu mempertahankan nilai warisan dalam arus modenisasi barat. Pemakaian Baju Melayu dalam kalangan generasi muda, terutamanya semasa solat Jumaat dan Hari Raya, juga menandakan kesinambungan identiti Melayu-Islam.

Keseluruhannya, Baju Melayu berperanan sebagai ‘pakaian identiti’ yang mendukung wacana budaya dan agama secara harmoni. Pakaian tradisional Melayu, yang dikenal sebagai busana Melayu, merupakan warisan budaya yang kaya dan memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti budaya dan sejarah Melayu. Warisan busana Melayu bukan hanya sekadar pakaian, tetapi juga mencerminkan nilai-nilai Islam yang melandasi kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, mempertahankan warisan busana Melayu dilihat penting dari perspektif Islam. Memelihara dan mempromosikan busana Melayu sekali gus dilihat sebagai usaha untuk mempertahankan identiti budaya dan nilai-nilai Islam. Dalam mempertahankan busana tradisional Melayu, orang Melayu memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga kekayaan budaya mereka dan mewariskannya kepada generasi mendatang (Siti Zainon, 2019).

Ironinya, warisan busana Melayu tradisional yang berharga ini, berpotensi hilang ditelan arus jika tiada langkah proaktif diambil oleh mana-mana pihak untuk mengekalkan seni warisan tradisi busana Melayu tradisional. Antara langkah-langkah (Yuszaiddi, 2018) yang boleh diambil ialah:

- Penyelidikan: Kajian lebih lanjut dalam mengenalpasti tentang busana Melayu tradisional termasuk jenis-jenis kain, corak dan penggunaannya serta nilai sejarah, makna dan budaya Melayu harus direkodkan bagi mengekalkan maklumat yang ada sebagai tatapan dan rujukan generasi masa kini dan akan datang. Ini akan menyediakan satu data maklumat lengkap yang dapat digunakan sebagai panduan pereka fesyen tempatan untuk mengeluarkan busana Melayu tradisional yang lengkap dengan ciri-ciri dan falsafah busana Melayu tradisional yang tidak dipengaruhi oleh rekaan dan potongan moden.
- Promosi: Semua pihak harus berganding bahu dan menggembelng tenaga serta usaha dalam mempromosikan busana Melayu tradisional sebagai simbol kebudayaan dan identiti Malaysia. Kemudahan pelbagai platform media sosial masa kini membantu dalam mempromosikan busana Melayu tradisional bukan

sahaja di Malaysia malah di peringkat global. Penerangan berkenaan falsafah yang terkandung dalam setiap rekaan dan jahitan akan meningkatkan pengetahuan masyarakat untuk lebih menghargai keindahan busana Melayu tradisional.

- **Pemakaian:** Busana Melayu tradisional akan lebih dihargai jika masyarakat secara bersama menggalakkan penggunaan busana Melayu tradisional. Kerajaan wajar mewujudkan Hari Busana Melayu tradisional untuk meningkatkan penggunaan busana Melayu tradisional dan menarik minat pemakai baharu. Busana Melayu tradisional dipakai semasa majlis-majlis rasmi atau tidak rasmi dan menjadikan pemakaian busana Melayu tradisional sebagai normal dan tidak janggal. Pemakaian bukan hanya terhad pada majlis atau hari tertentu tetapi dipakai setiap waktu sebagai pakaian harian.
- **Sokongan:** Usaha tukang jahit tempatan yang mengekalkan seni jahitan dan rekaan busana Melayu tradisional wajar disokong bagi mengekalkan warisan seni busana Melayu tradisional. Permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat akan meningkatkan permintaan untuk mempelajari seni jahitan rekaan busana Melayu tradisional dalam kalang generasi kini dan secara tidak langsung akan membantu mengekalkan seni warisan busana Melayu tradisional.

Selain daripada langkah-langkah berikut, generasi kini wajar mempelajari cara dan kaedah menyimpan busana Melayu tradisional bermula daripada membasuh sehingga menyimpan supaya busana tersebut dapat bertahan lebih lama untuk tatapan generasi akan datang. Setiap rekaan busana Melayu tradisional menggunakan jenis kain yang berbeza-beza dan penjagaan setiap jenis kain memerlukan perhatian yang khusus supaya dapat bertahan serta mengekalkan keindahannya. Busana Melayu merupakan aspek penting dalam identiti budaya Melayu. Ia merupakan sebahagian daripada tradisi yang perlu dijaga dan diteruskan (. Dalam aspek kesenian, Busana Melayu memiliki keindahan seni yang unik dan khas. Busana ini mempunyai corak dan hiasan yang indah dan mempunyai nilai seni yang tinggi. Dengan mempromosikan keindahan seni busana Melayu, kita dapat memperkukuh identiti bangsa Melayu sebagai bangsa yang kaya dengan seni dan budaya. Dalam perspektif agama pula, busana Melayu mengandungi simbol-simbol dan elemen yang melambangkan nilai-nilai agama. Oleh itu, dengan mempertahankan busana Melayu, sekali gus kita mampu memelihara simbol-simbol agama yang penting dalam budaya kita. Dengan menghargai dan mengekalkan keaslian busana Melayu, masyarakat kita mampu menyumbang kepada kelestarian warisan budaya yang telah ada sejak lama (Aiman Hakim, 2020). Ini membantu memastikan bahawa tradisi tersebut tidak dilupakan atau terhakis di zaman moden ini.

KESIMPULAN

Kajian ini telah meneliti secara mendalam bagaimana Baju Melayu sebagai busana tradisional mencerminkan nilai estetika Islam dan identiti tempatan masyarakat Melayu. Melalui analisis visual dan kajian dokumen, didapati bahawa Baju Melayu tidak sekadar berfungsi sebagai pakaian adat semata-mata, tetapi merupakan manifestasi fizikal kepada sistem nilai, kepercayaan dan jati diri bangsa Melayu yang berteraskan Islam. Estetika Islam yang menekankan kesederhanaan, kesopanan, dan keharmonian terserlah dalam potongan, warna, dan gaya pemakaian Baju Melayu. Dalam masa yang sama, simbolisme

tempatan seperti penggunaan sampin, songkok, dan motif tenunan memperlihatkan hubungan rapat antara busana ini dengan struktur sosial dan budaya masyarakat Melayu. Baju Melayu berfungsi sebagai lambang identiti dinamik yang menggabungkan unsur keagamaan dan kebudayaan dalam bentuk yang harmoni dan bersepadu. Dalam konteks semasa, pemeliharaan dan penghayatan terhadap Baju Melayu amat penting sebagai satu bentuk ketahanan budaya (*cultural resilience*) terhadap arus globalisasi dan homogenisasi fesyen antarabangsa. Peneguhan busana ini dalam ruang rasmi, keagamaan dan warisan menjadi langkah penting dalam mempertahankan identiti Melayu-Islam di Malaysia.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis pertama melakukan kajian literatur, metodologi, analisis data, penambahbaikan terhadap perbincangan dan semakan terhadap rujukan. Penulis kedua menulis kajian literatur, pengumpulan data dan perbincangan. Penulis ketiga melakukan penambahbaikan terhadap sorotan literatur manakala penulis keempat menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Universiti Teknologi MARA atas ruang penyelidikan yang diberikan.

RUJUKAN

- Abd. Rasid Ismail. (2014). *Alam Sebagai Motif Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Solid Press Sdn. Bhd.
- Adilah Fazilah. (2016). Makna dan Fungsi Busana Dalam Naskah Melayu Syair Agung. *Journal of Business and Social Development*, Vol. 4 No. 2: 58-75.
- Aiman Hakim Mohd Yusof. (2020). Texture Element on Design. *Journal of Art and Design*, Vol. 2: 35-37.
- Aris Darisman. (2012). Tinjauan Elemen Desain Pada Dunia Seni. *HUMANIORA*, Vol. 3 No. 2: 622-631.
- Aszulhida Aman, Ros Mahwati Ahmad Zakaria dan Zuliskandar Ramli. (2022). Elemen Rekaan dan Seni Pada Baju Kurung Masyarakat Melayu. *KUPAS SENI*, Vol. 10: 78-89.
- Dani Ahmad Ali. (2010). *Memahami Masyarakat Melayu*. Selangor: Pustaka Kelisa.
- Didit Endriawan, Donny Trihanondo, Tri Haryotedjo dan Teddy Ageng Maulana. (2020). Konsep Estetika Islam dan Aplikasinya Dalam Karya-Karya Amrizal Salayan. Makalah, Seminar Nasional Desain dan Arsitektur.
- Efriyeni Chaniago, Tjepjep Rohendi Rohidi and Triyanto. (2020). The Aesthetic Usage Response of Baju Kurung in Palembang City Government Tourism Office in Emphasizing Regional Identity. *Catharsis*, Vol. 9 No. 1: 38-49.
- Ermy Azziaty Rozali and Azmul Fahimi Kamaruzzaman. (2012). The Importance of Learning Islamic History and Civilization of Malaysia in the Building of Human Capital and Identity of the Muslim Society in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol. 59: 550-557

- Guslinda dan Otang Kurniaman. (2016). Perubahan Bentuk, Fungsi dan Makna Tenun Songket Siak Pada Masyarakat Melayu Riau. *Jurnal Studi Pendidikan*, Vol. 5 No. 1: 57-69.
- Hall, S. (1990). Cultural Identity and Diaspora. In J. Rutherford (Ed.). *Identity: Community, Culture and Difference*. London: Lawrence & Wishart.
- Hanisah Hasan. (2016). *A Study on the Development of Baju Kurung Design in the Context of Cultural Changes in Modern Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hasma Ahmad, D'Zul Haimi Md. Zain, Rosita Mohd Tajuddin dan Nazirah Mohamad Ba'ai. (2015). Analisis Kandungan Rupabentuk Fesyen Pakaian Melayu di Malaysia. Makalah, International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015, Universiti Teknologi MARA.
- Haziyah Husin, Salmah Abu Mansor, Rahilah Omar, Hapsah Ismail dan Aminuddin Hassan. (2009). Seni, Seni Hias, Seni Reka, Reka Bentuk dan Estetika Daripada Persepsi Umum dan Orang Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol. 20: 82-98.
- Leaman Oliver. (2004) *Estetika Islam: Menafsirkan Seni dan Keindahan*. Bandung: Mizan
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Eastetika dari Pendekatan Tawhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, Vol. 17 No. 2: 143-159.
- Muhammad Hisyam Zakaria, Asliza Aris, Wan Nadhra Ixora Wan Kamarulbaharin dan Nasaie Zainuddin. (2024). The Influences of Contemporary Fashion to the Development of Men's Baju Melayu in Malaysia. *International Journal of Art & Design*, Vol. 8 No. 1: 1-14.
- Nor Azlin Hamidon. (2020). *Seni Dalam Islam: Tinjauan Terhadap Prinsip dan Pengaplikasian Dalam Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norazit Selat, Hashim Awang dan Nor Hisham Osman. (1997). *Masyarakat Melayu Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Zainon Ismail. (1995). *Tekstil Tenunan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Konsep Adat Pakaian Cara Melayu: Sentuhan Tenunan Dalam Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Zakaria Stapa. (2000). *Nilai dan Etika Dalam Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zubaidah Shawal. (1994). *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia.